



**UNIVERSITI**  
**M A L A Y A**  
Akademi Pengajian Islam

# **BUKU PANDUAN IJAZAH TINGGI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA**

## **2021/2022**

## **UCAPAN KATA ALU-ALUAN PENGARAH**



**Profesor Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi pihak seluruh warga Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), saya ingin mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada semua calon baru Ijazah Tinggi kerana terpilih melanjutkan pengajian di varsiti terulung ini. Pengajian di peringkat pascasiswazah merupakan satu proses penting bagi tujuan pembinaan karier serta pemantapan ilmu dan kepakaran. Pembelajaran di peringkat ini turut menyediakan peluang kepada saudara/i bagi memperkembangkan pelbagai potensi dalam diri termasuk aspek intelek, sahsiah, rohani, emosi dan sosial.

Seperti yang saudara/i sedia maklum, pengajian di peringkat ijazah tinggi berbeza dengan peringkat sarjana muda terutamanya dari segi matlamat/halatuju dan proses pengajian. Perbezaan tersebut sudah pasti menghidangkan cabaran yang lebih getir dan menuntut pengorbanan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, cabaran tersebut bakal menjanjikan pelbagai pengalaman baru yang lebih bernilai dalam hidup kalian khususnya dalam konteks pembentukan sikap dan kematangan berfikir. Hal ini kerana, proses pengajian di peringkat ini bukan sahaja memerlukan saudara/i untuk mendisiplinkan diri dan melipatgandakan usaha, tetapi juga mengoptimumkan keupayaan kognitif secara lebih kritis dalam melakukan analisis, sintesis dan penilaian terhadap sesuatu perkara. Perasaan

ingin tahu, sentiasa optimis, minat untuk mengkaji dan sentiasa berfikir berlandaskan ilmu juga adalah antara asas penting untuk menjadi seorang sarjana yang baik.

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, sudah pasti fokus utama Universiti Malaya bukan sahaja melahirkan para pemikir tetapi juga penyelidik yang berkualiti. Selaras dengan itu, prestasi dan potensi saudara/i perlu dikembangkan melalui pengajian yang berkualiti serta setanding dengan piawai antarabangsa dari segi mutu pengajian, penyelidikan dan pengembangan intelektual. Bagi tujuan tersebut, APIUM sentiasa komited dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif demi memastikan kelangsungan aktiviti penyelidikan melalui penyediaan prasarana yang lengkap seperti perpustakaan, makmal komputer, ruang belajar dan sebagainya. Meskipun pada tahun 2021 ini kita berhadapan dengan cabaran pandemik covid-19, situasi ini telah mencetuskan norma baharu dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkonsepkan atas talian, namun ia sama sekali tidak melunturkan semangat barisan pentadbir dan pendidik untuk menyediakan peluang pembelajaran dengan lebih efektif, kreatif dan menarik.

Justeru, besar harapan saya agar saudara/i dapat mengharungi apa jua cabaran dalam menuntut ilmu di Universiti ini. Kerjasama dan komitmen yang penuh serta mematuhi segala peraturan mahupun syarat yang telah termaktub dapat membantu proses pengajian berjalan dengan lancar. Sekiranya saudara/i sendiri jelas akan hala tuju dalam pengajian serta menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri, insya-Allah pengajian akan dapat diselesaikan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan. Akhirnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua staf Bahagian Ijazah Tinggi APIUM kerana menyediakan Buku Panduan Ijazah Tinggi sesi 2021/2022. Saya percaya buku panduan ini amat bermanfaat kepada calon-calon pascasiswa untuk menguruskan pengajian mereka sepanjang berada di APIUM.

Sekian, terima kasih, Wasalam.

**PROFESOR MADYA DR MOHD FAUZI BIN HAMAT**

Pengarah  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



**VISI**

**UNIVERSITI BERTARAF GLOBAL YANG MEMBERI IMPAK PADA DUNIA**

**MISI**

**MELANGKAUI BATASAN ILMU DAN MEMBENTUK PEMIMPIN BERASPIRASI**

**NILAI TERAS**

**KESUNGGUHAN, PERPADUAN, INTEGRITI, KEIKHLASAN, EMPATI**



## AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

### VISI

UNTUK MEMAJUKAN BIDANG PENGAJIAN ISLAM BERASASKAN TRADISI KEILMUAN ISLAM DAN KADEAH MODEN YANG SAINTIFIK MELALUI PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN BERKUALITI UNTUK NEGARA DAN KEMANUSIAAN.

*To advance Islamic studies based upon the tradition of Islamic knowledge and modern scientific methodology through quality research and education for the nation and for humanity*

### MISI

BERUSAHA UNTUK MENJADI PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM KONTEMPORARI CEMERLANG DI NEGARA DAN SERANTAU BERGIAT DALAM PENYELIDIKAN, PENGAJARAN DAN PERUNDINGAN.

*Endeavoring to be an excellent higher learning centre in contemporary Islamic studies both nationally and regionally in research, teaching and consultation*

### OBJEKTIF

- MENGEMBANG, MEMAJU DAN MEMPERKASA PENGAJIAN ISLAM UNTUK KESEJAHTERAAN SEJAGAT DAN MANUSIAWI MELALUI AKTIVITI PENYELIDIKAN, PENGAJARAN, PENERBITAN SERTA PERUNDINGAN YANG SETANDING DENGAN PIAWAIAN DAN MUTU ANTARABANGSA.  
*To expand, advance and enrich Islamic studies for universal harmony and humanity through research activities, teaching, publication and consultation that are of international standard and quality.*
- MELAHIRKAN ILMUAN DAN GRADUAN PENGAJIAN ISLAM YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN SEIMBANG BAGI PEMBENTUKAN MASYARAKAT DAN PEMBINAAN NEGARA YANG MENGUTAMAKAN KEAMANAN, DIALOG, TOLERANSI DAN PERPADUAN.

o produce scholar and graduate of Islamic studies who are profesional, with integrity and balanced individual for the formation of society and nation building with the emphasis on peace, dialogue, tolerance and stability.

- MENJALANKAN DAN MENGGIATKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PERUNDINGAN BERASASKAN KEPADA KEBENARAN DAN KEADILAN BAGI MENYUMBANG KEPADA PEMBINAAN TAMADUN YANG CEMERLANG.

To embark and initiate research activities, publication and consultation based upon truth and justice which can contribute to the building of an execellent civilization

## **PENGENALAN RINGKAS AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**

### **1. Latar Belakang**

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sepetimana yang ada pada hari ini merupakan gabungan di antara Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam. Sebelum ini kedua-dua institusi tersebut merupakan institusi-institusi yang tersendiri dalam Universiti Malaya.

Jabatan Pengajian Islam ditubuhkan pada tahun 1959 hasil dari hubungan yang formal antara Kolej Islam Malaya pada waktu itu dan Universiti Malaya. Sejak dari waktu itu Majlis Kolej Islam berfungsi sebagai penguasa eksekutif kepada jabatan berkenaan, manakala Senat Universiti Malaya pula mengawasi segala yang berhubung dengan hal-hal akademik.

Apabila Majlis Kolej Islam Malaya dibubarkan pada tahun 1970, Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya. Selama tempoh tersebut sehingga ia bergabung dengan Akademi Islam membentuk Akademi Pengajian Islam yang disahkan oleh Senat Universiti Malaya pada 25 Januari 1996, jabatan ini merupakan sebuah jabatan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Akademi Islam pula yang diisytiharkan penubuhannya pada 1 April 1981 adalah hasil dari pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang telah ditubuhkan pada tahun 1965. Ia mengandungi dua buah fakulti, iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin, satu program ijazah, iaitu program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, dan satu program matrikulasi, iaitu Pra Akademi Islam. Dengan penggabungan ini, Akademi Pengajian Islam telah mula menawarkan pengajian peringkat Ijazah Tinggi.

Pada tahun 1996, Akademi terus berkembang dengan penubuhan 9 buah Jabatan dan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Pengajian Syariah mengandungi Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Jabatan Syariah dan Pengurusan dan Jabatan Siasah Syar'iyyah. Bahagian Pengajian Usuluddin pula terdiri dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam dan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan sementara Bahagian Pengajian Bersama pula mengendalikan program Pendidikan Islam dan Program Pengajian Islam iaitu meneruskan program pengajian bersama dengan Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Program Pra-Akademi pula diteruskan dan dijalankan di kampus cawangan di Nilam Puri, Kelantan.

## **2. Pentadbiran**

Pentadbiran Akademi Pengajian Islam dilaksanakan di dua tempat, iaitu di kampus utama Universiti Malaya Kuala Lumpur dan di kampus cawangan Akademi Pengajian Islam di Bachok, Kelantan.

Di kampus utama pentadbiran dilaksanakan melalui tiga komponen utama, iaitu Bahagian Ijazah Tinggi, Bahagian Ijazah Dasar dan Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan. Sementara di kampus cawangan di Bachok, tumpuan diberikan kepada program-program pra ijazah dalam bentuk pusat asasi Pengajian Islam dalam beberapa bidang.

Setiap bahagian pentadbiran di kampus utama diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah, sementara di kampus cawangan Bachok diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah yang bertanggungjawab kepada Pengarah Akademi.

Bagi memperkuuhkan pentadbiran akademik di Akademi Pengajian Islam ini, sembilan jabatan dan tiga program telah ditubuhkan. Jabatan-jabatan dan program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (1) *Jabatan Fiqh dan Usul*
- (2) *Jabatan Syariah dan Undang-undang*
- (3) *Jabatan Syariah dan Ekonomi*
- (4) *Jabatan Syariah dan Pengurusan*
- (5) *Jabatan Siasah Syar'iyyah*
- (6) *Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam*
- (7) *Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith*
- (8) *Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam*
- (9) *Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan*
- (10) *Program Pendidikan Islam*
- (11) *Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam*
- (12) *Program Astronomi Islam*

(13) *Program Minor Pengajian Islam*

**3. Program Pengijazahan dan Pengkhususan**

Akademi Pengajian Islam menawarkan program pengijazahan dan pengkhususan seperti berikut:

(1) **Program Asasi dengan pengkhususan seperti berikut:**

- (a) *Asasi Pengajian Islam*
- (b) *Asasi Pengajian Islam dan Sains*

(2) **Program Sarjana Muda Syariah dengan pengkhususan seperti berikut:**

- (a) *Fiqh dan Usul*
- (b) *Sains Politik Islam*
- (c) *Syariah dan Ekonomi*
- (d) *Astronomi Islam*

(3) **Program Sarjana Muda Usuluddin dengan pengkhususan seperti berikut:**

- (a) *Aqidah dan Pemikiran Islam*
- (b) *Al-Quran dan Al-Hadith*
- (c) *Sejarah dan Tamadun Islam*
- (d) *Dakwah dan Pembangunan Insan*

(4) **Program Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan pengkhususan seperti berikut:**

- (a) *Pengajian Islam*
- (b) *Pengajian al-Quran*

(5) **Program Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains dengan pengkhususan seperti berikut:**

- (a) *Bioteknologi*
- (b) *Genetik dan Biologi Molekul*
- (c) *Sains Biokesihatan*
- (d) *Sains dan Pengurusan Alam Sekitar*
- (e) *Fizik*

(6) **Program Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat**

- (7) **Program Sarjana Muda Pengurusan Muamalat**
- (8) **Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang**
- (9) **Program Minor Pengajian Islam**

Ditawarkan kepada pelajar fakulti lain di Universiti Malaya.

- (10) **Program Doktor Falsafah dan Sarjana seperti berikut:**
  - (a) Doktor Falsafah
  - (b) Sarjana Syariah (Secara Penyelidikan)
  - (c) Sarjana Usuluddin (Secara Penyelidikan)
  - (d) Sarjana Pengajian Islam (Secara Penyelidikan)
  - (e) Sarjana Syariah (Ekonomi Islam)
  - (f) Sarjana Syariah (Fiqh dan Usul)
  - (g) Sarjana Syariah (Undang-undang Syariah)
  - (h) Sarjana Syariah (Pengurusan dan Kewangan Islam )
  - (i) Sarjana Syariah (Politik dan Pentadbiran Islam)
  - (j) Sarjana Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam)
  - (k) Sarjana Usuluddin (Al-Quran dan Al-Hadith)
  - (l) Sarjana Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan)
  - (m) Sarjana Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)
- (10) **Program Sijil dan Diploma dengan kerjasama UMCCed dengan Akademi Pengajian Islam menawar kursus-kursus seperti berikut:**
  - (a) Sijil Pengajian Syariah
  - (b) Sijil Pengajian Usuluddin
  - (c) Diploma Eksekutif Pengajian Syariah
  - (d) Diploma Eksekutif Pengajian Usuluddin
  - (e) Diploma Eksekutif Lanjutan Pengajian Islam

**KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2021/2022  
(SECARA AM - PERINGKAT IJAZAH TINGGI)****SEMESTER I**

Pendaftaran Kursus (Modul) 2 minggu  
(Rujuk Jadual Pendaftaran di <https://umsitsguide.um.edu.my/>) 24.09.2021 - 08.10.2021

Kuliah	7 minggu*	18.10.2021	-	05.12.2021
Cuti Pertengahan Semester I	1 minggu	06.12.2021	-	12.12.2021
Kuliah	7 minggu*	13.12.2021	-	30.01.2022
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	31.01.2022	-	06.02.2022
Peperiksaan Akhir Semester I	2 minggu	07.02.2022	-	20.02.2022
Cuti Semester	3 minggu	21.02.2022	-	13.03.2022
	23 minggu			

**SEMESTER II**

Pendaftaran Kursus (Modul) 2 minggu  
(Rujuk Jadual Pendaftaran di <https://umsitsguide.um.edu.my/>) 18.02.2022 - 04.03.2022

Kuliah	7 minggu*	14.03.2022	-	01.05.2022
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu*	02.05.2022	-	08.05.2022
Kuliah	7 minggu*	09.05.2022	-	26.06.2022
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	27.06.2022	-	03.07.2022
Peperiksaan Akhir Semester II	2 minggu*	04.07.2022	-	17.07.2022
	20 minggu			

**CUTI TAHUNAN**

Cuti 9 minggu\* 18.07.2022 - 18.09.2022

Hari Kebangsaan (31 Ogos 2021) Hari Malaysia (16 September 2021) Maulidur Rasul (19 Oktober 2021) Deepavali (4 November 2021) Hari Krismas (25 Disember 2021) Cuti Tahun Baharu (1 Januari 2022) Hari Thaipusam (18 Januari 2022) Hari Wilayah (1 Februari 2022)	Tahun Baharu Cina (1 & 2 Februari 2022) Nuzul Al-Quran (19 April 2022) Hari Pekerja (1 Mei 2022) Hari Raya Aidilfitri (2 & 3 Mei 2022) Hari Wesak (15 Mei 2022) Hari Keputeraan Agong (6 Jun 2022) Hari Raya Aidiladha (9 Julai 2022) Awal Muharam (30 Julai 2022) Hari Kebangsaan (31 Ogos 2022)
---	---

## PENGURUSAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM



**PENGARAH**  
**Profesor Madya Dr Mohd Fauzi Bin Hamat**



**TIMBALAN  
PENGARAH  
(IJAZAH TINGGI)**

Profesor Madya  
Dr. Abdul Karim  
bin Ali



**TIMBALAN  
PENGARAH  
(IJAZAH DASAR)**

Profesor Madya  
Dr. Faisal Bin  
Ahmad Shah



**TIMBALAN  
PENGARAH  
( PENYELIDIKAN &  
PEMBANGUNAN )**

Profesor Madya  
Dr. Siti Zubaidah  
Binti Ismail



**TIMBALAN  
PENGARAH  
(BACHOK)**

Profesor Madya  
Dr. Mohd Muhibin  
bin Abd Rahman

## **PENTADBIRAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**

### **Naib Canselor**

Professor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Bin Abd Shukor

### **Pengarah**

Profesor Madya Dr Mohd Fauzi Bin Hamat

### **Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi)**

Profesor Madya Dr. Abdul Karim bin Ali

### **Timbalan Pengarah (Ijazah Dasar)**

Profesor Madya Dr. Faisal bin Ahmad Shah

### **Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)**

Profesor Madya Dr. Siti Zubaidah binti Ismail

### **Timbalan Pengarah (Bachok)**

Profesor Madya Dr. Mohd Muhiben bin Abd Rahman

### **Ketua Jabatan Fiqh dan Usul**

Prof. Madya Dr. Sa'adan bin Man

### **Ketua Jabatan Syariah dan Undang-undang**

Dr. Mohd Zaidi bin Daud

### **Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi**

Prof. Madya Dr. Asmak binti Abdul Rahman

### **Ketua Jabatan Syariah dan Pengurusan**

Dr. Fadillah binti Mansor

### **Ketua Jabatan Siasah Syar'iyyah**

Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail

### **Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam**

Dr. Wan Adli bin Wan Ramli

### **Ketua Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith**

Prof. Madya Dr. Ishak bin Hj Sulaiman

### **Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam**

Profesor Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor

**Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan**

Dr. Nurul Husna binti Mansor

**Penyelaras Program Pendidikan Islam**

Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil

**Penyelaras Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam**

Dr. Asmawati Binti Muhamad

**Penyelaras Program Pengajian Islam**

Dr. Mohamad Taqiuddin bin Mohamad

**Ketua Unit Jaringan Antarabangsa**

Dr. Nor 'Azah binti Kamri

**Program Kursus Pengajian al-Quran dan al-Hadis**

Dr. Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar

**Ketua Unit Penyelidikan Dan Penerbitan**

Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah binti Ismail

**Pengurus Unit Pengajian Awam**

Dr. Wan Adli bin Wan Ramli

**Ketua Penolong Pendaftar N48**

Encik Mohd Fakhrulrazi bin Ibrahim

Pejabat Pentadbiran

**Penolong Pendaftar Kanan N44**

Puan Hafidah binti Abdul Kudus

Bahagian Ijazah Dasar

**Penolong Pendaftar N41**

Encik Mohamed Afiq Afandi Mohamed Azahar

Bahagian Ijazah Tinggi

**Penolong Pendaftar N41**

Puan Nur Liyana Abdul Manaff

Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan

**Pegawai Perpustakaan S44**

Puan Rohaizah bt Jaafar

Perpustakaan APIUM

**Penolong Akauntan (W32)**

Pn. Hazuruainy binti Mohd Zulkifly

Pejabat Pengarah

**Penolong Pegawai Tadbir N29**

Pejabat Pentadbiran

Puan Norhafizah binti Ali

**Penolong Pegawai Tadbir N29**

Puan Noor Adilla binti Addenan

Bahagian Ijazah Tinggi

**Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA29**

Encik Mohamad Nazmi bin Mohd Nazri

Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan

**Penolong Jurutera JA29**

Encik Mohd Adizainal binti Mohd Tahawi

Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan

**Setiausaha Pejabat N29**

Cik Dayang Murni binti Abdul Ghafar  
Puan Suzana binti Md Din

Bahagian Pentadbiran  
Bahagian Ijazah Dasar

**Pembantu Tadbir (Kewangan) W22**

Puan Nolizah Jonet

Bahagian Pentadbiran

**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22**

Puan Zailani @Zarodah Mohd Nordin

Bahagian Ijazah Dasar

Puan Sabariah binti Omar

Jabatan Syariah Dan  
Pengurusan/ Bahagian  
Pentadbiran

Puan Cik Norahima binti Che Rahim

Bahagian Pentadbiran

Cik Norazreen binti Mustari

Bahagian Ijazah Tinggi

Puan Nurdila binti Mohd Yunos

Bahagian Ijazah Tinggi

Cik Rosilawati binti Mohd Lod

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith/  
Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan

Puan Noor Fadzlina binti Mohd Mudasir

Jabatan Sejarah dan Tamadun  
Islam/Bahagian Ijazah Tinggi

Puan Julydah binti Ajak

Program Pendidikan Islam/  
Bahagian Ijazah Dasar

Puan Norlina binti Mohamad Istar

Jabatan Syariah Dan Ekonomi/

	Bahagian Ijazah Tinggi
Puan Salbiah binti Salleh	Jabatan Fiqh dan Usul/ Bahagian Ijazah Dasar
Puan Suzana binti Muhammad Zain	Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam/ Bahagian Ijazah Dasar
<b>Setiausaha Pejabat N19</b> Puan Harfizah binti Musa	Bahagian Ijazah Tinggi
Cik Nurul Eizah binti Rahmat	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
<b>Pembantu Perpustakaan S19</b> Encik Md Sawal Nasharil Saari	Perpustakaan APIUM
<b>Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N19</b> Puan Susanty binti Maridah	Bahagian Pentadbiran
Encik Muhammad Aznoh bin Kamarul Zaman	Bahagian Ijazah Dasar
Nor Rashidah bt Sheik Allaudin	Bahagian Ijazah Dasar
Puan Darwanis Syahrudin	Bahagian Ijazah Tinggi
Puan Siti Noorimah binti Abu Bakar	Jabatan Siasah Syar'iyyah/ Bahagian Ijazah Tinggi
Puan Azura binti Sengah	Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam/ Bahagian Ijazah Dasar
Cik Siti Norzana binti Mohd Saleh	Bahagian Ijazah Dasar
Encik Kamarulzaman bin Kamal	Jabatan Syariah dan Undang- undang/ Bahagian Ijazah Tinggi
Puan Rohani binti Mohamed Ariffin	Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan/ Bahagian Ijazah Tinggi
Encik Badrul Hisham bin Boahari	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
<b>Pembantu Operasi N11</b>	Bahagian Penyelidikan dan

Mohd Radzi bin Hassim

Pembangunan

Encik Khairul Azwan bin Mahayuddin

Bahagian Ijazah Tinggi

Encik Mohd Hairuddin bin Abdul Jabar

Bahagian Pentadbiran

### **JABATAN FIQH DAN USUL**

#### **Ketua**

Sa'adan bin Man, BSh, PhD (Edinburgh)

#### **Profesor Madya**

Abdul Karim bin Ali, BSh, PhD (Edinburgh)

Datin Noor Naemah binti Abdul Rahman, BSh (Hons), MSh (Jordan), PhD

Rahimin Affandi bin Abdul Rahim, BSh(Hons), MPhil(St.And), PhD(Birmingham)

Raihanah binti Hj Azahari, BSh, MSh (Jordan), PhD

Sa'adan bin Man, BSh, PhD (Edinburgh)

#### **Pensyarah Kanan**

Luqman bin Hj Abdullah, BSh, PhD (Edinburgh)

Rushdi bin Ramli, BSh(Hons), MA (Birmingham), PhD(Birmingham)

Ridzwan bin Ahmad, BSh, MA (UKM), Ph.D

Ameen Ahmed Abdullah Qasem Al-Nahari, BSh (Yemen), MA (Yemen), PhD

Mohd Anuar bin Ramli, BSh, MSh, PhD

Nor Fahimah binti Mohd Razif, BSh, PhD

Bahiyah binti Ahmad, BSh(USIM), MA(UIAM), PhD

Shahidra binti Abdul Khalil, BSh (Hons), PhD

Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar, BSh, PhD

Norhidayah binti Pauzi, BSh, MSh, PhD

Muhammad Ikhlas bin Rosele, BSh, PhD

Mohd Saiful Anwar bin Mohd Nawawi, BSh, MSc, PhD

Nurulhuda binti Ahmad Zaki, BSh, PhD

Raihana binti Abdul Wahab, BSh, PhD

#### **Felo SLAB/SLAI**

Muhammad Safwan bin Harun, BSh

### **JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**

#### **Ketua**

Mohd Zaidi bin Daud, BSh (Hons), MSh, PhD

#### **Profesor**

Dato' Ahmad Hidayat bin Buang, BSh (Hons), LLM (London), PhD (London)

Datin Raihanah binti Hj Abdullah, BSh(Hons), MA(London), Cert.In English Law(LSE), PhD(UIAM)

**Profesor Madya**

Ruzman bin Md Noor, BSh(Hons), MCL(UIAM), PhD(UIAM)

Siti Mashitoh binti Mahamood, BSh, MSh, PhD(Birmingham)

Siti Zubaidah binti Ismail, BSh, MCL(UIAM) LLM(Birmingham), PhD

**Pensyarah Kanan**

Zalina binti Zakaria, LLB, MCL(UIAM), PhD (Manchester)

Mohd Zaidi bin Daud, BSh (Hons), MSh, PhD

Mohd Norhusairi bin Mat Hussin, BSh, PhD

Mohd Hafiz bin Jamaludin, BSh (al-Azhar), MSh, Ph.D

Hanira Binti Hanafi, LLB, MCL(UIAM), PhD (Durham)

Siti Aisyah binti Samudin, BSh, Ph.D

Mahamatayuding Samah, BA (Al-Azhar), MSh, PhD

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI**

**KETUA**

Asmak binti Abdul Rahman, BSh, MSh, PhD

**Profesor Madya**

Asmak binti Abdul Rahman, BSh, MSh, PhD

**Pensyarah Kanan**

Azizi bin Che Seman, BSh, MEc(UIAM)

Nor Aini binti Ali, BSh, MEcon (UKM), PhD

Ahmad Azam bin Sulaiman @ Mohamad, BEc (UKM), MEc (UKM), PhD (UKM)

Mohamad Taqiuuddin Mohamad, Bsh. Msh, MEcon (UKM), PhD

Mohd Shahid bin Mohd Noh (PhD)

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN**

**Ketua**

Fadillah binti Mansor, BSh, MBA, PhD (La Trobe)

**Profesor Madya**

Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi, BBA (UIAM), DESL (UIAM), MBA (UKM), PhD (USM)

**Pensyarah Kanan**

Suhaili bin Sarif, BSh, MBA, PhD (Edinburgh)

Nor `Azzah binti Kamri, BSh, MSh, PhD(USM)

Azian bin Madun, BSc (UKM), MSc (UITM), PhD (Bath)

Kamaruzaman bin Noordin, BSh, MBA, PhD (Wales)

Mohd Rizal bin Muwazir @ Mukhzir, Dip.(Cardiff), MBA, PhD (Cardiff)  
Fadillah binti Mansor, BSh, MBA, PhD (La Trobe)  
Ahmad Sufian bin Che Abdullah, BSh, MSh, PhD (Yarmouk)  
Mohd Abd Wahab Fatoni bin Mohd Balwi, BBAcc (CSU), MBA (UUM), PhD (La Trobe)  
Asmuliadi Lubis, BA (Al-Azhar), MA (Omdurman), PhD (Sudan)  
Issa Khan, B.A (Hons)(Bangladesh), MA, PhD

### **JABATAN SIASAH SYAR'IYYAH**

#### **Ketua**

Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, BSh, MCL (UIAM), PhD (Bristol)

#### **Profesor Madya**

Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, BSh, MCL (UIAM), PhD (Bristol)  
Siti Arni binti Basir, BEc, MPA, PhD (Salford)

#### **Pensyarah Kanan**

Mohamad Zaidi bin Abdul Rahman, BSh, MSh (UKM), PhD (Wales)  
Bharuddin bin Che Pa, BSh, Dip. Ed., MSh, PhD  
Osman bin Md Rasip, BEc, MA, PhD  
Raja Hisyamudin bin Raja Sulong, BSh, MSc (Northumbria), MLitt (Abertay), PhD  
Amer Abdulwahab Mahyoub Murshed, BA (Al-Eman University) MA (Al-Eman University),  
PhD (IIUM)

### **JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM**

#### **KETUA**

Wan Adli bin Wan Ramli, BUs, MUs, PhD (Wales)

#### **Profesor Madya**

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, BA, MA, PhD  
Che Zarrina binti Sa'ari, BUs, MUs, PhD (Edinburgh)  
Khadijah binti Mohd. Khambali @ Hambali, BUs, MUs, PhD  
Mohd Fauzi bin Hamat, Dip. Usu (KUSZA), BA (al-Azhar), Mus, PhD

#### **Pensyarah Kanan**

Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman, BA (al-Azhar), MUs, PhD (Jordan)  
Ahmad Zuhdi bin Ismail, BA, MA, PhD  
Faizuri bin Abd Latif, BUs (al-Azhar), MUs, PhD  
Wan Adli bin Wan Ramli, BUs, MUs, PhD (Wales)  
Azmil bin Zainal Abidin, BA (al-Azhar), SPI (UKM), PhD  
Mohd Khairul Naim bin Che Nordin, BUs, PhD  
Alwani binti Ghazali, MA(IIUM), PhD (Melbourne)  
Ali Ali Gobaili Saged, BA (Al-Imam), MA (Al-Imam), PhD  
Sharifah Basirah binti Syed Muhsin, BUs, Mus  
Mohammad Abd Al-Hameed Qatawneh, BA (Baghdad University, Iraq,) MA

Baghdad University, Iraq (Usuluddin), PhD

## **JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH**

### **KETUA**

Ishak bin Hj Suliaman, BUs, MUs, PhD (Wales)

### **Profesor**

Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli bin Hj Mohd Yusoff, BUs (Hons), MA (Jordan), PhD (Wales)

### **Profesor Madya**

Ishak bin Hj Suliaman, BUs, MUs, PhD (Wales)

Mustaffa bin Abdullah, BA(Hons) (al-Azhar), MA, PhD

Faisal bin Ahmad Shah, BA (Madinah), MA (UKM), PhD

Thabet Ahmad Abdullah Abu-AlHaj, VA (Wise), MA (Jordan), PhD (Yarmouk)

### **Pensyarah Kanan**

Monika @Munirah binti Abdul Razak, BUs, MUs, PhD (UKM)

Sedek bin Ariffin, BA (al-Azhar), MA (UMM Al-Qurra), PhD

Khader bin Ahmad, BUs, MUs, PhD

Muhamad Alihanafiah bin Norasid, BA, PhD

Selamat bin Amir, BA, PhD

Abdollah Ahmad Ramchahi, BA (Tehran University), BA (Ahmadeyyah Colege Supreme College), MA (IIUM), PhD (IIUM)

## **JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM**

### **KETUA**

Mohd Roslan bin Mohd Nor, BA (UIAM), M.Litt (Dundee), PhD (Aberdeen)

### **Profesor**

Mohd Roslan bin Mohd Nor, BA (UIAM), M.Litt (Dundee), PhD (Aberdeen)

### **Pensyarah Kanan**

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, BA (Hyderabad), BA (al-Azhar), MUs, PhD

Abdullah bin Yusof, BA, MA, Cert. In Doc. Prod (FTV-ASWARA), PhD

Aizan binti Ali @ Mat Zin, BUs, MA (London), PhD (Wales)

Asyiqin binti Ab Halim, BUs, MA (Loughborough), PhD (UK)

Norhayati binti Hj Hamzah BA (UIAM), MLitt (St.Andrews), PhD

Meguellati Achour BA (Algeria), MSc (UUM), PhD (UM)

## **JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN**

### **KETUA**

Nurul Husna binti Mansor, Bus, PhD

**Pensyarah Kanan**

Muhammed bin Yusuf, BA (al-Azhar), M.Usul, PhD

Fakhrul Adabi bin Abdul Kadir, BA (al-Azhar), MS (UPM), PhD

Norrodzoh binti Hj. Siren, BA, MA, PhD

Yusmini binti Md. Yusoff, B.Ed, M.Ed (UKM), PhD (Waikato NZ)

Ashraf Mohammed Zaidan Al-Dulaimi, BA (Baghdad), MA (Baghdad), PhD

Nurul Husna binti Mansor, Bus, PhD

Nur Shahidah binti Paad, Bus, PhD

Sayyid Buhar Musal Kassim, (UKM), (Calicut Uni,India)

**PENYELARAS PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM**

**PENYELARAS**

Asyraf Isyraqi bin Jamil BSh (al-Azhar), BUs (Madinah), PhD

**Pensyarah Kanan**

Asyraf Isyraqi bin Jamil BSh (al-Azhar), BUs (Madinah), PhD

Ahmad bin Yusuff, BUs (al-Azhar), MUs (al-Azhar), Phd (Yarmouk)

Tengku Sarina Aini binti Tengku Kasim B.IsEd, M.Ed, PhD (Auckland)

Adama Bamba B.A(Saudi), MA (IMU), Phd (IMU)

Asmawati Muhamad, B.A (Hons), MA (IIUM), PhD (IIUM)

**Guru bahasa**

Mohamad Azrien bin Mohamed Adnan

**Felo SLAB/SLAI**

Abd. Aziz bin Rekan Bsh

Muhammad Nasir Mohammad Salleh Bsh, Msh

**PENYELARAS PROGRAM SAINS GUNAAN PENGAJIAN ISLAM**

**Penyelaras**

Asmawati binti Muhamad, BUs, MA(IIUM), PhD(IIUM)

**Pensyarah Kanan**

Madiha Baharuddin, BAScIStud (Teknologi Maklumat), PhD

Abdul Halim bin Ibrahim, B.Sc, PhD

Asmawati binti Muhamad, BUs, MA(IIUM), PhD(IIUM)

**Pakar**

Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, M.Sc, B.Sc, PhD

**Felo SLAB/SLAI**

Siti Patonah binti Mohamad, BAScl Stud (Sains Biokesihatan) (UM), Mls (UM)  
Fatin Nur Majdina binti Nordin, BAScl Stud (Sains Biokesihatan) (UM), MPhilb(UM)

**PENYELARAS PROGRAM PENGAJIAN ISLAM**

**PENYELARAS**

Mohamad Taqiuddin bin Mohamad, Bsh. Msh, MEcon (UKM), PhD

**PROGRAM ASTRONOMI ISLAM**

**PENYELARAS**

Mohd Saiful Anwar bin Mohd Nawawi, BSh, MSc, PhD

**Profesor Madya**

Hasan bin Abu Kasim, BSc, MIPM, MSc (Manc), PhD (Manc) – Fakulti Sains

**Pensyarah**

Nazatulshima binti Ahmad, MSc, BSc – Fakulti Sains

Nurul Huda binti Ahmad Zaki, BSh, PhD

Raihana Abdul binti Wahab, BSh, PhD

Mohammaddin bin Abdul Niri, Bsy, MSc, PhD

**Felo SLAB/SLAI**

Hafeez bin Saadon, Phd (Australia)

## **MAKLUMAT AM IJAZAH TINGGI**

### **1. Pendaftaran**

- (1) Calon program Doktor Falsafah, Sarjana Mod Campuran dan Mod Penyelidikan hendaklah mendaftar kursus untuk program pengajiannya tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenan.
- (2) Calon program Doktor Falsafah Secara Penyelidikan baharu boleh mendaftar untuk program pengajian tersebut pada bila-bila masa selewat-lewatnya pada minggu ke 14 dalam semester yang dipohon dan yuran penuh dikenakan untuk semester yang didaftar olehnya. Calon dikehendaki mendaftar dalam semester berikutnya sekiranya tawaran diterima melewati minggu ke 14 sesuatu semester.
- (3) Calon Tahun Akhir yang diterima masuk akan diberi Surat Tawaran Bersyarat. Surat tawaran rasmi hanya akan diberi jika calon mengemukakan keputusan tentang penganugerahan Ijazah pertama oleh Senat Universiti berkenaan. Tiada seorang calon pun boleh dibenarkan menjalani kursus melainkan ia telah menyempurnakan pendaftaran dan menjelaskan yuran serta bayaran lain yang diperlukan.
- (4) Seseorang calon Ijazah Sarjana (Secara Penyelidikan), selepas kemasukan mungkin dikehendaki mengaudit beberapa kursus ijazah tinggi sebagaimana yang ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam sekiranya Akademi berpendapat bahawa calon tersebut tidak mempunyai pengetahuan yang memadai dalam sesuatu kursus tertentu di peringkat ijazah Sarjana Muda.

### **2. Pembaharuan Pencalonan**

- (1) Calon bagi semua mod program pengajian hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari 2 minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan. Kegagalan untuk memperbaharui pencalonannya dalam tempoh yang ditetapkan, boleh menyebabkan pencalonannya diluputkan melainkan calon dibenarkan mendaftar

lewat sebagai kes khas oleh Dekan Fakulti. Calon akan dikenakan bayaran denda atas kadar yang ditetapkan oleh Universiti di samping yuran-yuran lain yang ditetapkan.

- (2) Bagi program secara Penyelidikan, laporan kemajuan mestilah diisi secara *online* pada akhir setiap semester. Program secara Kursus dan Penyelidikan, laporan kemajuan mesti diisi apabila calon telah lulus kursus teras dan mendaftar bahagian II iaitu bahagian penyelidikan. Calon yang tidak mengisi borang laporan kemajuan selama 2 semester secara automatiknya akan Gagal Keluar dari pengajian

### **3. Pendaftaran Kursus**

- (1) Calon untuk program ijazah Sarjana dikehendaki mendaftarkan diri untuk kursus-kursus yang ditetapkan bagi program sarjana yang dijalani.
- (2) Calon diberi tempoh masa selama dua minggu dari tarikh permulaan semester untuk menyempurnakan urusan pendaftaran kursus. Calon yang tidak menyempurnakan pendaftaran kursus dalam tempoh ini tidak boleh mengikuti kursus tersebut.

### **4. Pendaftaran Serentak**

- (1) Seseorang calon ijazah tinggi tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada sesuatu penganugerahan ijazah, diploma atau sijil di Universiti ini atau di universiti lain.
- (2) Dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah, calon boleh dibenarkan mendaftar serentak
- (3) Calon, dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti, boleh mendaftar dan mengikuti pada mana-mana satu masa, suatu program latihan dalam perkhidmatan yang diminta oleh majikannya jika program tersebut dijalankan bagi tempoh yang tidak melebihi 1 tahun
- (4) Calon yang didapati melanggar subperaturan (1) di atas, boleh ditamatkan pengajiannya oleh Universiti tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang telah dibayar

### **5. Peluputan Pencalonan**

- (1) Calon bertanggungjawab mematuhi peraturan memperbaharui pendaftaran kerana kegagalan berbuat demikian adalah melanggar peraturan universiti dan menyebabkan **pencalonan diluputkan tanpa sebarang notis**. Calon yang tidak menyerahkan disertasi/tesis dalam tempoh yang ditetapkan juga akan luput pencalonannya. Calon yang diluputkan pencalonan daripada universiti tidak akan diterima dalam mana-mana program dalam peringkat pengajian yang sama.

## **6. Penamatan Pencalonan**

- (1) Calon yang telah menarik diri dari program pengajiannya boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajian ijazah terdahulu atau mana-mana program pengajian ijazah tinggi lain di Universiti
- (2) Calon yang mengikuti program pengajian ijazah berkenaan secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran yang ditamatkan pengajian atas sebab berikut; boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajiannya tertakluk kepada syarat calon hendaklah mengikuti pengajian dalam tajuk penyelidikan yang berlainan dan diselia oleh penyelia yang berlainan serta tidak menggunakan apa-apa data dari penyelidikan terdahulu:
- (a) gagal dalam semua bentuk penilaian termasuk peperiksaan;
  - (b) telah luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonan; atau
  - (c) telah melampaui tempoh maksimum pencalonan

## **7. Gugur dan Tambah Kursus**

- (1) Seseorang calon ijazah tinggi dibenarkan membuat gugur dan tambah kursus, tertakluk kepada peraturan maksimum-minimum jam kredit kursus. Calon tidak dibenarkan membuat pendaftaran baru bagi mana-mana kursus selepas minggu ketiga (3) semester berkenaan. Penarikan diri daripada mana-mana atau semua kursus tidak dibenarkan selepas akhir minggu ketujuh (7) semester berkenaan.

## **8. Yuran**

- (1) Calon hendaklah menjelaskan segala yuran dan bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti pada masa permulaan pendaftaran setiap semester melainkan ia dikecualikan daripada mana-mana yuran atau bayaran kedua-duanya.
- (2) Calon yang hendak menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti secara ansuran hendaklah membuat permohonan kepada Bursar mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Calon yang gagal menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain atau sebahagian daripada yuran atau bayaran lain kepada Universiti akan dikenakan mana-mana satu atau gabungan tindakan berikut:
  - (a) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester berikutnya;
  - (b) keputusan peperiksaan, transkrip atau skrol ijazah tidak akan dikeluarkan kepada calon
- (4) Bagi calon pascasiswazah, senarai yuran pengajian program boleh didapati di laman sesawang: <https://aasc.um.edu.my/postgraduate-fee-structure>

## **9. Kehadiran dalam Program Pengajian**

- (1) Calon hendaklah menghadirkan diri dalam semua program latihan dan penyelidikan berkaitan dengan program pengajian yang diikutinya melainkan calon berkenaan diberi cuti sakit atau cuti bersalin oleh seorang pegawai perubatan atau diberi cuti materniti oleh majikannya atau diberi kebenaran untuk tidak hadir oleh Dekan yang berkenaan.

## **10. Penarikan Diri dari Kursus dan dari Semester**

- (1) Penarikan dari kursus bermakna penarikan diri dari satu atau lebih kursus dalam sesuatu semester selepas minggu tambah/gugur seperti dibawah:

Kategori	Semester Biasa	Semester Khas	Caj Yuran	Tempoh Pengajian	Gred yang diperolehi
Atas alasan peribadi*	Minggu 1-2	Minggu 2	Tidak	Diambil kira	Tiada Gred
	Minggu 3-7	Minggu 2	Ya	Diambil kira	Gred W

- (2) Calon boleh menarik diri dari kursus tidak lewat dari minggu kedua semester biasa. Calon tidak dikenakan yuran pengajian dan rekod pendaftaran kursus berkenaan akan dihapuskan.
- (3) Calon yang menarik diri dari kursus selepas minggu kuliah kedua akan dikenakan yuran dan dicatatkan gred W bagi kursus berkenaan. Penarikan diri dari mana-mana kursus selepas minggu ke 7 Semester Biasa dan selepas minggu ke 2 Semester Khas tidak dibenarkan kecuali atas alasan perubatan
- (4) Penarikan diri dari semester ertiya penarikan diri dari semua kursus yang didaftarkan dan semua aktiviti pengajaran atau pembelajaran serta aktiviti penyelidikan bagi semester berkenaan. Calon ijazah tinggi hendaklah telah menjalani program pengajiannya bagi tempoh sekurang-kurangnya satu semester sebelum dibenarkan untuk menarik diri daripada mana-mana satu semester pengajian yang berikutnya. Walau apapun yang diperlukan di atas, Dekan boleh dalam keadaan khas membenarkan seseorang calon menarik diri daripada program pengajiannya pada mana-mana semester.
- (5) Tempoh di mana calon telah menarik diri akan diambilkira dalam tempoh maksimum pengajian calon untuk program pengajian berkenaan melainkan alasan untuk penarikan diri berkenaan adalah alasan perubatan.

## **11. Keperluan Bahasa Malaysia Untuk Warganegara**

- (1) Calon ijazah tinggi hendaklah mempunyai satu tahap kecekapan dalam Bahasa Malaysia sebagai memenuhi keperluan penganugerahan ijazah, iaitu lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya atau Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia Universiti atau gred lulus BM yang diiktiraf oleh Universiti atau lulus pengecualian BM yang ditetapkan oleh Universiti

## **12. Keperluan Bahasa Malaysia Untuk Bukan Warganegara**

- (1) Semua calon ijazah tinggi bukan warganegara disyaratkan menghadiri dan lulus kursus Bahasa Malaysia yang dikendalikan oleh Fakulti Bahasa dan Linguistik sebelum dianugerahkan ijazah sarjananya melainkan ia memperolehi sekurang-kurangnya gred lulus dalam bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia Universiti atau peringkat setaraf dengannya, kecuali calon yang telah lulus Ujian Pengecualian yang diadakan di awal setiap semester. Calon ijazah tinggi boleh

memohon untuk mengambil Ujian Pengecualian yang juga dikendalikan oleh Fakulti Bahasa dan Linguistik di awal setiap semester. Jika calon lulus ujian tersebut, mereka tidak perlu mengikuti kursus Bahasa Malaysia. Ujian Pengecualian akan diadakan dalam minggu kedua selepas semester bermula.

- (2) Kursus Bahasa Malaysia ditawarkan pada setiap semester oleh Fakulti Bahasa dan Linguistik.

### **13. Keperluan Bahasa Inggeris Untuk Bukan Warganegara**

- (1) Syarat Bahasa Inggeris dijadikan sebagai Syarat Pengijazahan Bagi Calon Antarabangsa yang mengikuti program dan atau menulis disertasi/ tesis dalam bahasa selain dari Bahasa Inggeris. Perkara-perkara yang digariskan adalah seperti berikut.

- (a) Syarat bahasa Inggeris dijadikan sebagai syarat pengijazahan.
  - (b) Calon yang mengikuti program dalam bidang selain dari bidang syariah dan undang-undang dan selain dari bidang penyelidikan Finance, Banking, Insurance dikehendaki memperolehi kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 5.0 tau TOEFL skor minimum 500 sebelum penganugerahan ijazah
  - (c) Calon yang mengikuti program dalam bidang syariah dan undang-undang dikehendaki memperolehi kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 6.0 tau TOEFL skor minimum 600 sebelum penganugerahan ijazah
  - (d) Calon yang mengikuti program dalam bidang penyelidikan Finance, Banking, Insurance dikehendaki memperolehi kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 6.5 atau TOEFL skor minimum 550 sebelum penganugerahan ijazah
- (2) Syarat Bahasa Inggeris dijadikan sebagai Syarat Pendaftaran Bagi Calon Antarabangsa yang mengikuti program dan atau menulis disertasi/tesis dalam Bahasa Inggeris. Perkara-perkara yang digariskan adalah seperti berikut.
- (a) Syarat bahasa Inggeris dijadikan sebagai syarat sebelum mendaftar.

- (b) Calon yang mengikuti program dalam bidang selain dari bidang syariah dan undang-undang dan selain dari bidang penyelidikan Finance, Banking, Insurance dikehendaki mengemukakan kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 5.5 tau TOEFL skor minimum 550 sebelum mendaftar
- (c) Calon yang mengikuti program dalam bidang syariah dan undang-undang dikehendaki mengemukakan kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 6.0 tau TOEFL skor minimum 600 sebelum mendaftar
- (d) Calon yang mengikuti program dalam bidang penyelidikan Finance, Banking, Insurance dikehendaki memperolehi kelayakan IELTS (*Academic*) sekurang-kurangnya band 6.5 atau TOEFL skor minimum 550 sebelum mendaftar

**14. Bahasa Disertasi/Tesis**

- (1) Disertasi/Tesis hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab.

**15. Penyeliaan**

- (1) Akademi Pengajian Islam akan melantik sekurang-kurangnya seorang ahli daripada kakitangan Universiti ini sebagai Penyelia untuk memimpin dan menyelia kerja-kerja seorang calon. Akademi Pengajian Islam boleh juga melantik seorang yang berkelayakan dari luar Universiti ini sebagai seorang Perunding bagi mana-mana calon yang mengikuti program ijazah tinggi. Perunding akan dilantik pada masa yang sama dengan pelantikan penyelia.
- (2) Penyelia yang dilantik hendaklah mengemukakan suatu laporan kemajuan secara *online* terhadap calon tersebut pada setiap semester kepada Ketua Jabatan.
- (3) Calon yang kemajuannya tidak memuaskan boleh ditamatkan pencalonannya

**16. Penetapan Bidang Penyelidikan dan Tajuk Tesis/Disertasi**

- (1) Fakulti hendaklah meluluskan bidang penyelidikan untuk disertasi calon seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual yang berkenaan kepada Peraturan-Peraturan ini bagi program pengajian berkenaan.

- (2) Tajuk tesis/disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan.

## **17. Penyerahan**

- (1) Seseorang calon tertakluk kepada syarat-syarat berikut berhubung dengan penyerahan disertasinya untuk peperiksaan:

- (a) Seseorang calon dikehendaki memberi sekurang-kurangnya tiga bulan notis secara *online* untuk menyerahkan tesis/disertasinya bagi peperiksaan.
- (b) Seseorang calon hendaklah menyerahkan lima salinan disertasinya untuk pemeriksaan, di mana satu daripadanya hendaklah merupakan naskah asal. Disertasi tersebut hendaklah:
- (i) Didahulukan dengan satu ringkasan yang tidak melebihi 500 patah perkataan;
- (ii) Ditaip atau dicetak 2 barisan langkau di atas kertas bersaiz A4, kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruangan berukuran 4 sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri;
- (iii) Dijilid dengan kertas nipis dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar pada kulit hadapan; dan

- (3) Selepas tesis/disertasi telah diperiksa, calon hendaklah mengemukakan kepada Universiti lima naskah disertasi itu dalam bentuk bercetak dalam format yang dinyatakan di bawah sama ada atau tidak disertasi itu telah mencapai taraf bagi penganugerahan ijazah berkenaan atau tidak:

- (a) Bagi program Secara Penyelidikan, naskah disertasi dijilid dalam kulit tebal yang berwarna merah *rexine* dan dicetak berhuruf besar dengan *font 15 Arial Narrow* berwarna emas di kulit hadapan. Nama pengarang, tajuk yang lengkap, tahun penyerahan dan nama ijazah yang akan dianugerahkan dicetak dengan huruf besar berwarna emas dengan saiz huruf yang sesuai pada tulang belakang.
- (b) Program Sarjana Secara Penyelidikan sepenuhnya hendaklah menyerahkan disertasi tidak melebihi 60,000 patah perkataan. Manakala Program Doktor Falsafah tidak melebihi

100,000 patah perkataan

- (c) Disertasi bagi program Secara Kursus Dan Penyelidikan hendaklah tidak melebihi 40,000 patah perkataan.
- (d) Walau apa pun tersebut dalam C(ii) dan (iii) yang berikut tidak termasuk dalam had patah perkataan:
  - (i) Nota kaki, lampiran, jadual dan rajah; dan
  - (ii) Pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks. Ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon mengenainya hendaklah tertakluk kepada had patah perkataan tersebut.
- (e) Calon yang ingin melebihi had patah perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan kepada Fakulti dan mendapat kelulusan Fakulti sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh penyerahan tesis/disertasi untuk pemeriksaan, dengan memberi alasan mengapa ia tidak dapat mematuhi had panjang yang telah ditetapkan.
- (f) Calon tidak boleh menyerahkan sebagai tesis/disertasinya kerja yang telah diserahkan untuk ijazah di Universiti ini atau universiti lain, tetapi ia tidak dilarang memasukkan mana-mana bahagian kerja tersebut ke dalam tesis/disertasinya sekiranya ia menunjukkan dengan terang dalam disertasinya bahagian kerja yang telah dimasukkan ke dalam disertasi
- (g) Calon boleh menyerahkan sebarang sumbangan yang telah dicetak dan diterbitkan secara perseorangan atau secara berkumpulan untuk peningkatan bidangnya. Kerja yang dilakukan secara berkumpulan hendaklah disertakan dengan kenyataan yang menjelaskan dengan terang bahagian kerja yang dibuat oleh calon sendiri. Kenyataan ini hendaklah ditandatangani oleh rakan penulis yang lain.
- (h) Tesis/Disertasi atau sebahagian daripadanya yang telah diluluskan dan kemudiannya diterbitkan, hendaklah mengandungi kenyataan yang terang bahawa ianya telah dikemukakan untuk ijazah berkenaan dari Universiti. Sepanjang pengajiannya, seseorang calon boleh dengan persetujuan penyelianya, menerbitkan kertas-kertas hasil kerjanya, dengan syarat rujukan sewajarnya diberi kepada Universiti di dalam kertas-kertas itu.

- (i) Tesis/Disertasi itu sama ada diluluskan atau tidak untuk penganugerahan ijazah berkenaan termasuk semua hak harta intelek di dalamnya hendaklah terletak hak pada dan tetap menjadi hak milik Universiti. Universiti mempunyai hak untuk menghadkan atau membataskan pencetakan, pemberitahuan dan penggunaan, atau mana-mana urusan dengan yang berikut bagi tempoh yang diperlukan untuk maksud melindungi atau memperolehi hak harta intelek:
- (A) Tesis/Disertasi; atau
  - (B) Hasil yang membawa kepada disertasi berkenaan; atau
  - (C) Kedua-dua yang dinyatakan di atas.

#### **18. Struktur Program Sarjana Mod Campuran**

Program Sarjana Syariah dan Sarjana Usuluddin Mod Campuran terdiri daripada 2 Bahagian:

- (1) Bahagian I program ini meliputi 22 kredit yang terdiri daripada kursus-kursus yang diberikan dalam jadual struktur kursus:
  - (a) Calon dikehendaki mengambil dua kursus teras (6 kredit), tiga kursus teras jabatan (12 kredit) dan satu kursus pilihan (4 kredit).
  - (b) Calon dikehendaki lulus kursus teras sebelum dibenarkan mendaftar Bahagian II. Calon juga dibenarkan mendaftar Bahagian II serentak dengan kursus-kursus lain selepas lulus kursus teras tersebut.
- (2) Bahagian II program ini meliputi 22 kredit yang mengandungi penyelidikan yang membawa kepada pengemukaan sebuah disertasi.
  - (a) Tesis/Disertasi atau bahagian daripadanya yang telah diluluskan kemudian diterbitkan hendaklah dinyatakan dengan terang bahawa ianya telah dikemukakan untuk Ijazah PhD/Sarjana Syariah/Usuluddin Universiti Malaya. Seseorang calon sepanjang pengajiannya boleh menerbitkan kertas-kertas daripada kerjanya dengan persetujuan Penyeliamnya, dengan syarat nama Universiti Malaya dirujuk sewajarnya di dalam kertas-kertas itu.

**19. Syarat Menduduki Peperiksaan**

- (1) Peperiksaan Bahagian I akan terdiri daripada peperiksaan dalam dua kursus teras, tiga kursus teras program dan satu kursus pilihan.
- (2) Sebelum menduduki peperiksaan, calon mesti menjelaskan yuran tentang (jika ada).
- (3) Calon yang gagal menyelesaikan eksesais PKP/CTES secara online dalam tempoh yang ditetapkan akan dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan pada semester tersebut.

**SKIM PEMARKAHAN****SKIM PEMARKAHAN PEPERIKSAAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA)**

Skim Pemarkahan (Digunakan untuk semua calon yang mengambil peperiksaan bermula Semester I, Sesi 2019/2020).

Penilaian Peperiksaan untuk Ijazah Sarjana secara Kursus hendaklah berdasarkan Skim Pemarkahan seperti berikut:

<b>Markah</b>	<b>Gred</b>	<b>Mata Gred</b>	<b>Maksud</b>
90 - 100	A+	4.0	Amat Cemerlang
80 - 89	A	4.0	Cemerlang
75 - 79	A-	3.7	
70 - 74	B+	3.3	Lulus
65 - 69	B	3.0	
60 - 64	B-	2.7	
55 - 59	C+	2.3	
50 - 54	C	2.0	
45 - 49	C-	1.7	
40 - 44	D+	1.5	
			Gagal

